

09/07/2002

Dewan Terengganu lulus hudud Pas

KUALA TERENGGANU, Isnin - Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang dikemukakan kerajaan Pas Terengganu, hari ini diluluskan Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan beberapa pindaan.

Rang undang-undang itu yang mencetuskan kontroversi berikutan pelaksanaannya dikhuatiri menimbulkan ketidakadilan terutama berhubung saksi, mendapat sokongan semua 28 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pas.

Tiga Adun Barisan Nasional (BN), Datuk Abdul Rashid Ngah (Seberang Takir), Datuk Abu Bakar Ali (Kemasik) dan Rosol Wahid (Ajil) berkecuali, manakala Tengku Putera Tengku Awang (Telemong) tidak berada di Dewan ketika pengiraan dijalankan.

Rang undang-undang itu yang akan dikenali Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M, dibentangkan Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang semalam dengan meminda Seksyen 9 berhubung kesalahan rogol, yang sebelum ini mendapat bantahan kerana dianggap menzalimi mangsa rogol.

Mengikut deraf yang diedarkan kerajaan negeri sebelum ini, seseorang wanita yang mendakwa dirogol diwajibkan membawa empat saksi dan jika gagal membuktikan tuduhan itu, wanita berkenaan boleh dihukum mengikut kesalahan qazaf, iaitu sebat sebanyak 80 kali.

Di KUCHING, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata undang-undang hudud yang diluluskan Dewan Undangan Negeri Terengganu itu bukan hukum daripada al-Quran, tetapi tafsiran politik Pas semata-mata.

Perdana Menteri berkata, sekiranya hukum hudud yang diluluskan itu adalah undang-undang Allah seperti yang ditetapkan dalam al-Quran, pasti ia tidak boleh dipinda seperti yang dilakukan Pas.

"Undang-undang hudud yang diluluskan Pas Terengganu hari ini, disesuaikan berikutan desakan dan protes yang dibuat orang ramai terhadap cadangan parti itu sebelum ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, undang-undang yang dikemukakan Pas itu cuma ciptaan ahli politik yang ingin menipu orang Islam dan bukan Islam supaya dapat mengekalkan kuasa politiknya.

"Pas ingin melaksanakan hukum Allah tetapi yang anehnya, dua undang-undang yang dikemukakan Pas Kelantan dan Terengganu terdapat perbezaan yang ketara," katanya ketika merasmikan Bangunan Masja di Medan Raja, Petra Jaya, hari ini.

Dr Mahathir berkata, sebenarnya Pas mahu menggunakan undang-undang itu untuk menimbulkan perasaan serba salah Kerajaan Pusat kerana parti itu tahu bahawa Kerajaan Pusat tidak akan meluluskan pelaksanaan undang-undang berkenaan.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan tidak menolak undang-undang Allah dan hukum hudud, tetapi apa yang ditolak ialah undang-undang politik Pas.

"Kerajaan Pusat tidak akan mencipta undang-undang yang akan menganiaya rakyat. Ini kerana Malaysia mempunyai penduduk pelbagai kaum dan agama...kalaulah jenayah dilakukan, amatlah zalim kalau satu pihak saja (umat Islam) mendapat hukuman yang berat, sedangkan pihak lain (bukan Islam) mendapat hukuman ringan," katanya.

Mengikut undang-undang itu, terdapat enam kesalahan yang diletakkan sebagai kesalahan hudud, iaitu syrub (meminum arak atau minuman yang memabukkan) yang membawa hukuman sebat tidak kurang daripada 40 sebatan dan qazaf (membuat tuduhan bahawa seseorang itu melakukan zina dengan tuduhan itu tidak dapat dibuktikan dengan empat saksi) yang membawa

hukuman 80 sebatan.

Tiga lagi kesalahan lain ialah zina (melakukan persetubuhan haram) yang membawa hukuman rejam sampai mati, sariqah (mencuri) yang membawa hukuman potong tangan, hirabah (merompak) yang boleh dihukum bunuh dan irtidad atau riddah (keluar dari agama Islam) yang juga membawa hukuman bunuh.

Yang Dipertua DUN Terengganu, Hussin Awang, berkata enakmen itu akan dikuat kuasa selepas mendapat perkenan Sultan Terengganu dan pemberitahuan akan dilakukan melalui Warta Kerajaan.

Sebelum itu, Abdul Hadi dalam ucapan penggulungan selepas sesi perbahasan berkata, rang undang-undang itu dibentangkan kerana tuntutan daripada rakyat dan untuk mendapat keredaaan Allah.

"Kalau rakyat tolak kita (kerajaan Pas) dalam pilihan raya akan datang kerana undang-undang ini, kita reda di hadapan Allah," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa Islam membenarkan wanita menjadi saksi berdasarkan keadaan tertentu, seperti berlaku kejadian rogol di asrama wanita.

"Kalau tidak boleh hukum hudud, takzir boleh dikenakan, malah boleh dikenakan lebih keras daripada hudud," katanya.